

**Teks Ucapan Sempena Sambutan Dekad Platinum Pertahanan  
Awam (DPPA) 2022-2032**

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 12/10/2022

---

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**

**SAMBUTAN DEKAD PLATINUM  
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA  
(DPPA) 2022-2032**

**12 OKTOBER 2022 | RABU | 8.30 MALAM**

**BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul

pada malam ini bagi menjayakan program Sambutan Dekad Platinum Pertahanan Awam (DPPA) 2022-2032.

2. Tema “**Kitalah Keluarga Malaysia, Kitalah Pertahanan Awam**” amat tepat dan sesuai sekali bagi meraikan dua tahun pertama sambutan DPPA.

3. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) khususnya Yang Berhormat Datuk Dr. Abd. Latiff Bin Ahmad Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), kerana sudi mengundang saya dan sekaligus merasmikan DPPA 2022-2032.

**Keluarga Malaysia Pertahanan Awam yang saya kasihi,**

4. Saya sangat memahami dan menghargai peranan utama APM dalam pengurusan bencana dan kecemasan termasuklah menjaga kedaulatan negara ketika Ops Lahad Datu Sabah pada tahun 2013.

5. Bahkan pada tahun lalu, APM juga terlibat dalam kerja-kerja menyelamatkan ketika negara sekali lagi dilanda musibah banjir buruk di beberapa buah negeri seperti Selangor dan Pahang.

6. Pada masa itu, saya juga berkesempatan melihat sendiri komitmen dan dedikasi tinggi anggota APM dalam menjamin keselamatan serta kesejahteraan Keluarga Malaysia sewaktu memberi bantuan.

7. Bahkan pada awal pandemik COVID-19 dan juga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), APM merupakan antara barisan hadapan yang digerakkan untuk menjaga keselamatan Keluarga Malaysia.

8. APM juga berperanan sebagai Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah yang menguruskan dan mengkoordinasikan bersama agensi/ jabatan yang terlibat.

9. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan penghargaan tertinggi kepada Wira-wira Seragam Biru Oren negara atas komitmen dan jasa bakti ketika negara berdepan krisis kesihatan rentas sempadan ini. Tahniah dan Syabas!

**Keluarga Malaysia Pertahanan Awam yang saya kasihi,**

10. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap perkembangan dan juga perkhidmatan yang diberikan oleh APM kepada Keluarga Malaysia.

11. Pelbagai usaha dilakukan oleh Kerajaan bagi memenuhi komitmen perkhidmatan terhadap Keluarga Malaysia terutamanya daripada aspek pembangunan prasarana, logistik dan modal insan.

12. Sehubungan itu, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) Rolling Plan Kedua Tahun 2022, bagi melaksanakan enam projek baharu bakal dibina iaitu Dewan Terbuka, dengan kos keseluruhan bernilai RM10.8 juta.

13. Saya juga ingin mengumumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan pembinaan bangunan baharu Pejabat Pertahanan Awam Negeri Kelantan dengan kos bernilai RM50 juta yang bakal siap tiga tahun lagi.

14. Selain itu, kerajaan turut memperuntukkan sebanyak RM84.45 juta bagi perolehan kenderaan merangkumi RM34.45 juta serta kelengkapan dan peralatan operasi melibatkan kos sebanyak RM50 juta.

### **Keluarga Malaysia Pertahanan Awam yang saya kasihi,**

15. Bagi menghargai peranan penting APM kepada negara dan kesejahteraan Keluarga Malaysia, Kerajaan telah bertindak untuk menilai dan mengkaji semula keperluan penambahan perjawatan tetap dalam organisasi ini.

16. Justeru, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan penambahan perjawatan sekurang-kurangnya Gred KP 29 sebagai Pegawai Sekretariat Pengurusan Bencana di setiap daerah.

17. Bagi cadangan agar gred Pengarah-Pengarah Negeri dalam APM ditetapkan sekurang-kurangnya pada Gred KP 48, saya bersetuju untuk meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melaksanakannya pada kadar segera.

### **Keluarga Malaysia Pertahanan Awam yang saya kasihi,**

18. Kesejahteraan Keluarga Malaysia terutamanya melibatkan aspek pengurusan bencana dan kesiapsiagaan nasional sentiasa menjadi agenda utama yang diberi perhatian oleh Kerajaan.

19. Sehubungan itu, sebuah dokumen penting APM ke arah memacu hala tuju dalam tempoh 10 tahun akan datang diperkenalkan melalui penerbitan buku DPPA 2022-2032 yang akan dilancarkan pada hari ini.

20. Buku DPPA ini bertujuan memperkukuhkan perkhidmatan APM selain melahirkan Keluarga Malaysia yang teguh bersama, berdaya tahan serta mampu mengadaptasi konsep masyarakat sendiri dalam kehidupan harian terutama ketika insiden kecemasan, krisis, bencana dan peperangan.

21. Selain itu, komitmen pelbagai pihak dalam menjalin hubungan kerjasama strategik yang inklusif dalam pengurusan bencana dan kesiapsiagaan nasional juga tidak kurang pentingnya dalam meraih matlamat yang diharapkan.

22. Ini dapat dilihat dengan keterangkuman kerangka dekad platinum APM yang telah digariskan, terutamanya dalam mengukuhkan daya tahan komuniti Keluarga Malaysia dalam tahun-tahun yang mendatang.

### **Keluarga Malaysia Pertahanan Awam yang saya kasihi,**

23. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Abd. Latiff serta seluruh warga APM yang telah menjayakan penganjuran DPPA 2022-2032.

24. Dengan kata-kata tersebut, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya menyempurnakan perasmian **Dekat Platinum Pertahanan Awam 2022-2032.**

25. **“KITALAH KELUARGA MALAYSIA, KITALAH PERTAHANAN AWAM”**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Nota : Teks ucapan YAB Perdana Menteri dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) YBhg. Datuk Dr Abd Latiff Ahmad.

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/teks-ucapan-sempena-sambutan-dekad-platinum-pertahanan-awam-dppa-2022-2032/>